

Kehadiran PM bawa semangat baru kepada petugas Ops Daulat
Utusan Online
15 APRIL 2013

LAHAD DATU 14 April - Kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Felda Sahabat semalam nyata membawa semangat baru kepada lebih 5,000 anggota keselamatan serta agensi yang terlibat dalam Ops Daulat.

Rata-rata mereka yang ditemui menyifatkan, kesanggupan Perdana Menteri hadir untuk kali kedua bertemu anggota keselamatan di kawasan tersebut membuktikan betapa beliau merupakan pemimpin yang berjiwa besar.

Salah seorang daripada anggota keselamatan itu, **Inspektor Zairi Surani** berkata, beliau amat berterima kasih dengan kesungguhan Perdana Menteri dalam menunjukkan penghargaan kepada kesemua yang terlibat dalam operasi berkenaan.

"Saya berbangga bertugas di sini dan amat berterima kasih dengan penghargaan ditunjukkan Perdana Menteri.

"Bukan sahaja dari segi wang ringgit seperti kenaikan gaji baru-baru ini, beliau juga sanggup turun ke sini untuk bertemu kami. Sememangnya ini pengalaman yang tidak mungkin saya lupakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perdana Menteri semalam meluangkan masa lebih dua jam di Desa Kencana, Felda Sahabat di sini bagi menghadiri Majlis Penghargaan Ops Daulat serta beramah mesra bersama anggota keselamatan dan penduduk kampung.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan Pingat Kedaulatan Negara yang diwujudkan khas bagi menzahirkan penghargaan kepada seluruh anggota keselamatan, agensi serta individu yang terlibat dengan operasi tersebut.

Sementara itu, Pegawai Waran II, **Bakri Bakar** berkata, kehadiran Perdana Menteri semalam jelas menampakkan keprihatinan beliau kepada barisan hadapan yang bersabung nyawa mempertahankan negara.

"Mula-mula kami masuk ke sini keadaannya amat mencabar. Tetapi kini keadaan makin pulih. Alhamdulillah keadaan sudah kembali tenang setelah semua pihak bekerja keras memburu pengganas.

"Apabila keadaan tenang, Perdana Menteri datang dan menunjukkan keprihatinan. Terasa segala penat lelah kami dihargai," ujarinya.

Komander Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), **Kolonel Abdul Wahab Rahim** pula menganggap kehadiran Perdana Menteri itu menyuntik semangat anak buahnya untuk meneruskan operasi di kawasan tersebut.

"Sambutan kepada Perdana Menteri juga nampak meriah di sini. Semua ini jelas membuktikan kita bersatu hati dalam melakukan kerja demi negara," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130415/dn_10/Kehadiran-PM-bawa-semangat-baru-kepada-petugas-Ops-Daulat#ixzz2ZzEFyYDO

© Utusan Melayu (M) Bhd